

## PBAPP harap KASA, SPAN tidak lagi tangguh semakan tarif air

10/06/2022 05:20 PM



BUTTERWORTH, 10 Jun (Bernama) -- Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) berharap Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) serta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) tidak lagi menangguhkan semakan tarif air yang dikemukakan pada Mac lepas.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP Datuk Ir Jaseni Maidinsa berkata sudah tiba masanya semakan tarif air dibuat oleh kerajaan selepas ia tertangguh berikutan pandemik COVID-19 yang melanda negara baru-baru ini.

"Kami bimbang jika tertangguh lagi, ia akan menjelaskan kualiti perkhidmatan bekalan air disebabkan syarikat tidak mempunyai dana mencukupi dan menjelaskan petunjuk prestasi utama yang ditetapkan dalam menyediakan perkhidmatan terbaik untuk rakyat di negeri ini," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Pusat Pentadbiran Pusat Pentadbiran Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua oleh Ketua Menteri Chow Kon Yeow hari ini.

Beliau berkata tarif air domestik Pulau Pinang sedia ada untuk 35,000 liter pertama sebulan pada RM0.32 sen setiap 1,000 liter adalah yang terendah di Malaysia dan kali terakhir semakan dibuat ialah pada 2015.

"Sebenarnya penetapan tarif air baharu itu juga antara usaha dalam menjimatkan penggunaan air di negeri ini selain dapat menguruskan dengan lebih baik permintaan air yang semakin meningkat pada masa ini," katanya.

Jaseni juga berkata PBAPP akan mempercepat pelaksanaan dua projek penting iaitu fasa dua projek menaik taraf tangki pemendapan dan pakej 12A LRA Sungai Dua bagi meningkatkan kapasiti LRA Sungai Dua.

Beliau berkata projek menaik taraf tangki pemendapan telah bermula pada Oktober 2020 serta melibatkan naik taraf enam tangki pemendapan sedia ada secara berperingkat dan ketika ini, ia di tahap 67 peratus siap dengan empat tangki yang dinaik taraf berfungsi secara optimum.

"Apabila kesemua enam tangki yang dinaik taraf beroperasi sepenuhnya pada Oktober nanti, output LRA Sungai Dua akan meningkat sebanyak 30 juta liter sehari (JLH)," katanya.

Bagi pakej 12A pula, Jaseni berkata pembangunannya kini dipercepat dengan kerja-kerja bermula dari Mac 2022 dan dijangka beroperasi pada Disember 2023.

Beliau berkata PBAPP sedang berusaha keras untuk melaksanakan sepenuhnya kedua-dua projek bagi mengelakkan gangguan bekalan air yang disebabkan oleh peningkatan permintaan di negeri itu.

Katanya sebelum pandemik COVID-19 pada 2018, purata penggunaan air di Pulau Pinang ialah 843 JLH namun pada Mei lepas, ia meningkat mendadak kepada 946 JLH iaitu lonjakan sebanyak 12.1 peratus dalam tempoh tiga tahun dan PBAPP tidak mempunyai pilihan selain berusaha memenuhi permintaan yang lebih tinggi.